



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PEMBERSIHAN PANTAI
ROBINA SEMPENA WORLD OCEAN DAY**

TARIKH / MASA / TEMPAT

06 JULAI 2019 (SABTU)

8.00 pagi

**DEWAN TAMAN ROBINA
TELUK AIR TAWAR
SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hj Rosnani Binti Hj Mahmud
Setiausaha Perbandaran MPSP

Yang Berusaha Encik Mohideen Abdul Kader
Pemangku Presiden
Persatuan Pengguna Pulau Pinang

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Kakitangan-kakitangan
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

.....

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Perasmian Pembersihan Pantai Robina Sempena World Ocean Day di Dewan Taman Robina, Teluk Air Tawar, Seberang Perai Utara anjuran bersama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Persatuan Pengguna Pulau Pinang.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan buat Yang Berusaha Encik Mohideen Abdul Kader, Pemangku Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang yang telah sudi hadir bersama dalam program pada hari ini.

Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis MPSP; Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod, Setiausaha Perbandaran MPSP; Ketua-Ketua Jabatan MPSP; peserta-peserta program yang berjumlah 170 orang daripada Persatuan Pengguna Pulau Pinang, Flex Penang, murid-murid dan guru-guru daripada

SMK Convent Butterworth dan SMK Kpg. Kastam Butterworth, penduduk-penduduk setempat serta pengunjung Pantai Robina, serta semua yang turut hadir kerana sudi melapangkan masa untuk mengambil bahagian menjayakan program Pembersihan Pantai Robina pada pagi yang ceria.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Program Pembersihan Pantai Robina yang diadakan pada pagi ini adalah bersempena *World Ocean Day* atau Hari Laut Sedunia yang disambut pada 8 Jun setiap tahun. Sambutan *World Ocean Day* mula-mula dicadangkan semasa Sidang Kemuncak Dunia Mengenai Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada 8 Jun 1992 dan seterusnya pada bulan Disember 2008, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah meluluskan serta mengiktiraf Sambutan *World Ocean Day* secara rasmi pada 8 Jun setiap tahun.

Sambutan ini adalah untuk mengingatkan manusia tentang pentingnya peranan laut dalam kehidupan. Laut merupakan habitat kepada haiwan laut dan sumber makanan (protein) penting bagi manusia, di samping membekalkan oksigen untuk pernafasan dan menyerap 30 peratus karbon dioksida yang dihasilkan manusia. Selain sumber makanan, laut menjadi sumber eko pelancongan yang menjana pendapatan negara. Laut

juga adalah laluan penting bagi kapal perdagangan antarabangsa sejak zaman dahulu hingga sekarang di mana Selat Melaka adalah antara laluan paling sibuk di dunia.

Sambutan *World Ocean Day* membawa manusia bersama-sama memahami kesan tindakan mereka ke atas laut dan membangunkan satu gerakan dalam kalangan masyarakat tempatan untuk kelestarian laut.

Tema *World Ocean Day* yang ditetapkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun (2019) ini adalah '*Gender and Oceans*' (Gender dan Lautan). Langkah ini bersesuaian dengan *Sustainable Development Goals* (SDG) 5: *Gender Equality*. Keseimbangan jantina memainkan peranan yang penting dalam memastikan keberkesanan pemuliharaan laut dan kehidupannya. *World Ocean Day* akan menjadi pentas untuk mendedahkan kemajuan keseimbangan jantina dalam bidang-bidang berkaitan lautan seperti kajian saintifik marin, migrasi di lautan dan pemerdagangan manusia serta membuat dasar (polisi).

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Pencemaran plastik masih merupakan fokus tindakan utama *World Ocean Day* setiap tahun. Plastik merupakan masalah serius yang menjejaskan laut dan memberi kesan langsung kepada populasi hidupan marin seperti penyu, ikan paus dan burung laut di mana 100,000 haiwan marin terbunuh setiap tahun. Dalam mencegah pencemaran plastik dan menggalakkan penyelesaian bagi lautan yang lebih sihat, penekanan hendaklah tertumpu kepada penghapusan plastik guna sekali sebagai langkah pertama untuk membanteras pencemaran plastik.

Kira-kira 80 peratus sampah plastik di lautan datangnya dari daratan yang masuk ke ekosistem lautan melalui tiupan angin, larian air permukaan ke muara sungai dan pantai. Bahan berasaskan plastik terdiri daripada beg plastik, belon, botol, penyedut minuman (*straw*), pembalut barangan dan lain-lain termasuk peralatan menangkap ikan. Kira-kira 100 juta tan plastik dianggarkan berada di laut. Adalah dianggarkan di antara empat (4) hingga 13 juta tan metrik plastik masuk ke laut setiap tahun. Plastik dalam alam sekitar mengambil masa beribu tahun untuk reput.

Plastik yang terhakis pecah menjadi plastik mikro yang lebih berbahaya kepada hidupan laut dan yang bergantung kepada hidupan laut. Apabila plastik mikro berada di lautan, ia akan dimakan oleh plankton, ikan dan hidupan liar lainnya serta kita, manusia.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

MPSP telah memulakan langkah-langkah awal untuk mengawal dan mengurangkan pencemaran plastik. Antara usaha-usaha MPSP ialah:-

- I. Pada 6 Julai 2009, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melancarkan kempen "*Hari Tanpa Beg Plastik*" pada setiap hari Isnin. Ini menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang pertama dalam sejarah Malaysia untuk melancarkan satu kempen di seluruh negeri untuk mengurangkan penggunaan beg plastik. Dalam masa empat bulan sahaja, Pulau Pinang telah berjaya mengurangkan penggunaan lebih daripada 1 juta beg plastik. Susulan itu, inisiatif tersebut kemudian telah dilanjutkan ke tiga hari seminggu iaitu Isnin, Selasa dan Rabu mulai 1 Januari 2010. Manakala pada 1 Januari 2011, ia dilaksanakan pada setiap hari. Dalam usaha mempromosikan Sisa Sifar (*Zero Waste*), Pulau Pinang telah melarang penggunaan kotak dan pinggan

mangkuk polistrena dalam semua majlis rasmi negeri pada tahun 2009. MPSP juga menyokong penuh saranan Kerajaan Negeri dan telah menetapkan tiada lagi penggunaan cawan atau bekas plastik pakai buang dalam semua mesyuarat dan program anjuran MPSP bermula pada bulan Julai 2018. Kakitangan adalah digalakkan membawa bekas minuman sendiri ke mesyuarat atau program-program anjuran MPSP.

- II. Dasar Pengasingan Sisa di Punca adalah satu inisiatif positif yang diambil Kerajaan Negeri bagi mengurangkan sisa yang dilupuskan di Pulau Burung serta memanjangkan hayat tapak pelupusan. Pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca oleh Kerajaan Negeri telah berjaya mempertingkatkan sistem dan kaedah pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam negeri kepada satu sistem yang lebih teratur, mampan dan maju dan setanding dengan bandar-bandar antarabangsa maju lain.

Dasar Pengasingan Sisa di Punca berkuatkuasa pada 1 Jun 2016 dengan tumpuan diberikan kepada program-program pendidikan dan kesedaran kepada penduduk Seberang Perai. Pada 1 Jun 2017, Dasar Pengasingan Sisa Di Punca mula dikuatkuasakan dengan penguatkuasaan di kawasan harta bersama atau strata dan diikuti di kawasan komersial mulai 1 Januari 2018.

Melalui Dasar Pengasingan Sisa di Punca ini, semua penduduk di negeri Pulau Pinang dimestikan mengasingkan sampah mereka mengikut komposisi sisa pepejal iaitu sisa kitar semula (kertas, plastik, kaca, tin aluminium / besi / logam) dan sisa baki (sampah kotor dan sisa makanan) sebelum dilupuskan. Keadah ini merupakan pengasingan sisa di punca yang paling mudah.

- III. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memberi penekanan kepada pengurangan penggunaan plastik dengan melaksanakan inisiatif hijau “Larangan Penggunaan Plastik Sekali Guna” (*No To Single-Use Plastic*) mulai 1 Januari 2019 secara berfasa yang akan dimulakan dengan polisi *No to Plastic Straw*. Tujuan pelaksanaan Program “Larangan Penggunaan Plastik Sekali Guna” adalah untuk mengurangkan impak pencemaran dan masalah buangan sampah yang disebabkan oleh penggunaan plastik sekali guna seperti bag plastik dan straw minuman.

Mulai 1 April 2019, kempen tiada *straw plastik* diadakan di semua premis makanan termasuk kantin sekolah di mana pengusaha kantin tidak boleh bagi memberikan *straw plastik* kepada pelanggan. Tahun ini lebih ditumpukan dalam mendidik orang ramai agar tidak menggunakan straw plastik dan plastik sekali guna dan

penguatkuasaan larangan penggunaan straw plastik akan dimulakan tahun hadapan.

IV. Kempen Tiada Beg Plastik pada Hari Isnin telah dilaksanakan mulai 1 Julai 2019 di 541 premis perniagaan (pasaraya, restoran makanan segera, kedai serbaneka, farmasi dan lain-lain premis) di seluruh Seberang Perai secara sukarela (voluntary basis). Premis yang menyertai kempen ini tidak akan membekalkan beg plastik kepada pengguna bagi sebarang bentuk transaksi. Kempen ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan kitar semula dan mengelakkan penggunaan 'single use plastic'.

V. MPSP juga telah memperkenalkan *Smart Consumption Model 8R* pada 14 Januari 2018 iaitu *Rethink, Refuse, Reduce, Reuse, Repair, Re-Gift, Recover and Recycle*, bertujuan untuk mengurangkan beratan sampah ke tapak pelupusan sampah dan meningkatkan kadar kitar semula. Pelbagai program-program dilaksanakan untuk memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan serta memastikan setiap barangan yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan.

VI. Salah satu usaha terkini MPSP adalah memperkenalkan dan melaksanakan Program *Recycle for Life* (RFL) yang merupakan satu program kitar semula menggunakan sistem tanpa tunai di bawah perhatian Bank Negara Malaysia melalui kad pintar RFL. Sehingga kini saya, kesemua Ahli Majlis, Puan Setiausaha Perbandaran dan 3,088 kakitangan MPSP telah mendaftar diri untuk mendapatkan kad pintar *Recycle for Life*. MPSP merupakan organisasi pertama di Malaysia yang mempunyai pemegang kad pintar *Recycle for Life* yang teramai. 70% daripada kakitangan MPSP adalah pemegang kad pintar dan saya yakin dalam masa yang singkat, semua kakitangan MPSP akan menjadi pemegang kad pintar dan melaksanakan kitar semula dalam kehidupan harian mereka.

Recycle for Life adalah program kitar semula yang memberi ganjaran tunai melalui penggunaan kad pintar. Nilai ringgit hasil jualan barangan kitar semula dikreditkan ke dalam kad pintar RFL. Kakitangan yang mempunyai kad pintar RFL boleh membawa barangan kitar semula ke Menara MPSP setiap bulan untuk dijual kepada Syarikat E-Idaman Sdn. Bhd. Program RFL ini menggalakkan amalan kitar semula dan dapat berbelanja dengan hasil jualan barangan kitar semula tersebut. Hasil jualan akan dikumpulkan di dalam kad ini dan nilai ringgit di dalam kad tersebut boleh digunakan untuk membeli barangan di Pasaraya-Pasaraya; rangkaian restoran terpilih; membayar bil air dan juga membeli *prepaid*. MPSP bercadang

untuk mengembangkan program ini ke peringkat sekolah, agensi-agensi kerajaan dan swasta, dan juga komuniti Seberang Perai. Matlamat kita adalah untuk setiap warga Seberang Perai menyumbang ke arah penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Program-program ini dianjurkan dan dilaksanakan untuk menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Ianya juga mengajak orang awam untuk bersama-sama memainkan peranan masing-masing dalam mengamalkan gaya hidup hijau sebagai usaha dan sumbangan kepada generasi akan datang.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Dalam kita menyambut *World Ocean Day* pada hari, marilah kita mengubah *mind set* serta mendidik diri kita untuk tidak mencemari alam sekitar terutamanya laut. Warga Seberang Perai dipohon tidak menggunakan penyedut minuman plastik (*plastic straw*) dan bawalah beg berbelanja sendiri semasa membeli belah di pasar raya. Pada hari ini, semua peserta tidak dibekalkan dengan botol atau minuman kotak dan

digalakkan membawa sendiri minuman dari rumah. Ini semua bertujuan untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna.

Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Program Pembersihan Pantai Robina yang secara tidak langsung usaha ini telah merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan visi MPSP iaitu Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi malahan dapat memberi impak khususnya kepada penduduk setempat.

Saya amat mengharapkan serta memohon agar segala kemudahan infrastruktur yang disediakan di kawasan ini dijaga dengan baik oleh pengunjung dan penduduk setempat. Jadilah mata-mata MPSP dan laporkan sekiranya ada berlaku sebarang masalah *vandalisme*, kecurian dan pembuangan sampah daripada pihak yang tidak bertanggungjawab agar tindakan dapat diambil ke atas mereka. Ingatlah tuan-tuan dan puan-puan, kemudahan ini adalah hak milik kita bersama. Sama-samalah kita menjadi warga yang bertanggungjawab. Sayangi Seberang Perai dan peliharalah kemudahan-kemudahan yang telah disediakan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang selama ini telah menyumbangkan tenaga dan buah fikiran sehingga MPSP telah telah mengorak langkah menjadi bandaraya tidak lama lagi. Kejayaan ini merupakan hadiah yang tidak ternilai yang harus dibanggakan. Memandangkan kita semua berada di ambang bandaraya, tanggungjawab kita akan menjadi lebih berat terutama dari segi kebersihan, pencahayaan, menyediakan infrastruktur yang baik, menyediakan tempat riadah yang selesa dan bermacam-macam lagi.

Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang memberikan dorongan dan inspirasi atas usaha-usaha kami. Terima kasih juga kepada Ahli-Ahli Majlis MPSP, badan-badan korporat dan penduduk-penduduk Seberang Perai yang terlibat dalam usaha membantu MPSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih, hijau dan selamat serta mempunyai penduduk yang sihat. Syabas dan tahniah kerana memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MPSP dan saya pasti dengan komitmen ini, “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**” dapat direalisasikan.

Akhir kata, saya dengan sukacitanya dan dengan lafaz BISMILLAH HIRRAHMANIR RAHIM merasmikan Majlis Pembersihan Pantai Robina sempena *World Ocean Day*.

Saya sudahi dengan *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

Sekian, Terimakasih.